

08 JAN 1999

Abdullah-Profil

ABDULLAH AKTIF DALAM POLITIK PADA 1978

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mula aktif dalam politik pada 1978 apabila beliau dipilih sebagai anggota Parlimen Kepala Batas dan dilantik Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau mempertahankan kerusi parlimen itu selama lima penggal sehinggalah sekarang.

Jawatan pertama dalam kerajaan yang disandang oleh Abdullah ialah sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 1980. Abdullah yang menyertai Umno pada 1965 dilantik Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang pada 1980.

Tahun 1981 membawa tuah bagi Abdullah apabila beliau dipilih sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno, anak Melayu pertama dari Pulau Pinang dilantik dalam masa 20 tahun.

Pada tahun itu juga, beliau dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kabinet pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah dilantik Menteri Pendidikan pada 1984 dan dipilih Naib Presiden pada pemilihan Uno pada 1984.

Beliau menjadi Menteri Pertahanan pada 1986 tetapi digugurkan dari Kabinet pada 1987 berikutan politik dalaman Umno dan apa yang dikatakan pembabitannya dalam Team B diketuai Tengku Razaleigh Hamzah.

Abdullah, 59, memperolehi ijazah dalam pengajian Islam dari Universiti Malaya. Beliau memulakan kariernya dalam perkhidmatan awam pada 1964 sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jawatan terakhir yang disandangnya dalam perkhidmatan awam ialah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Abdullah dipilih semula Naib Presiden Umno dalam pemilihan parti pada 1987 dan menjadi anggota Majlis Tertinggi protem Umno Baru pada 1988 dan mempertahankan jawatan itu pada 1990.

Bagaimanapun, beliau gagal mempertahankan jawatan naib Presiden Umno pada 1993 tetapi dilantik anggota Majlis Tertinggi Umno.

Abdullah kembali semula dalam politik apabila dipilih Naib Presiden bagi penggal 1996/1999 dan memperolehi jumlah undi kedua terbanyak apabila mendapat 1,053 undi.

Beliau dilantik Menteri Luar pada 1991 sehinggalah sekarang.

Abdullah berkahwin dengan Datin Seri Endun Datuk Mahmud Ambak dan dikurniakan dua orang anak.

-- BERNAMA

HS FAZ